

SYARAT PENYERTAAN MYORGANIC

- Secara sukarela dan terbuka kepada ladang ternakan dan premis rumah burung walit;
- Wajib kepada semua ladang ternakan dan premis rumah burung walit yang mengeksport ke luar negara;
- Membangunkan dan menyediakan dokumen bertulis Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) seperti program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari, program pengurusan sisa ladang dan pencemaran, program penyelenggaraan premis dan infrastruktur, program kawalan makhluk perosak secara organic, program kawalan penggunaan ubatan organik, program pengurusan sumber dan input ladang, program pengurusan rekod ladang serta program kebajikan haiwan; dan melaksanakannya sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum membuat permohonan menyertai skim pensijilan;
- Ladang ternakan mempunyai sekurang-kurangnya seorang Doktor Veterinar yang berdaftar sama ada secara tetap, sambilan atau kerajaan dan mempunyai Sijil Amalan Tahunan Doktor Veterinar Ladang yang sah;
- Digalakkan memperoleh sumber ternakan daripada ladang yang mempunyai sijil Malaysian Organic Agricultural Practices (myOrganic), sijil Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) atau mengamalkan Good Animal Husbandry Practices (GAHP);
- Mempunyai Lesen Penternakan (Negeri berkaitan sahaja); dan
- Mempunyai surat sokongan permohonan myOrganic dari DVS Negeri bagi mengesahkan ladang ternakan yang dipohon adalah bebas penyakit, mengamalkan GAHP dan penternakan secara organic serta disokong untuk dipersijilkan.